

POLITEKNIK NILAI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan



Tel: 06-798 0400
Faks: 06-791 1269

Ruj. Kami : PNS/800-2/1-1(76)
Tarikh : 31 April 2020

Kepada Yang Berkenaan
(Organisasi Latihan Industri Politeknik Nilai)

Tuan,

Kepada Yang Berkenaan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENAMATAN LATIHAN INDUSTRI (LI) PELAJAR SESI DISEMBER 2019 (TEMPOH LI: 9/12/2019 - 24/4/2020) DAN SESI DISEMBER 2019 (PKLI) (TEMPOH LI: 3/2/2020 - 19/6/2020) POLITEKNIK NILAI SUSULAN PELANJUTAN PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Sepertimana yang YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** kepada semua rakyat Malaysia bermula **18 Mac 2020** hingga **14 April 2020**. Penguatkuasaan perintah ini adalah demi kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia yang bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi membendung penularan wabak Pandemik COVID-19 yang semakin meruncing pada ketika ini.

2. Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Dan Penilaian Program Pengajian Diploma Dan Sijil Bagi Politeknik & Kolej Komuniti Sesi Disember 2019 Berikutan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pada 27 Mac 2020, Politeknik Nilai telah membuat ketetapan agar:

a) Pelajar Latihan Industri Sesi Disember 2019 (tempoh LI: 9/12/2019 -24/4/2020)

- (i). Pelajar menamatkan Latihan Industri seawal **17 Mac 2020** bagi pelajar yang menjalani latihan Industri bukan di Industri Perkhidmatan Penting Negara dan **31 Mac 2020** bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri di Industri Perkhidmatan Penting Negara; dan

b) Pelajar Latihan Industri Sesi Disember 2019 (PKLI) (tempoh LI:3/2/2020–19/6/2020)

- (i) Pelajar yang mengikuti Penilaian Khas Latihan Industri (PKLI) perlu menyambung semula Latihan Industri selepas penguatkuasaan PKP sehingga **19 Jun 2020** dan tempoh **PKP tidak perlu diganti**.


3. Sehubungan itu, pihak politeknik memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk melengkapkan dan menghantar dokumen-dokumen seperti di **Lampiran 1 (practical task)**, **Lampiran 2 (Reflective Journal)** dan **Lampiran 3 (surat pengesahan tamat LI)** selewat-lewatnya pada **20 April 2020** di <https://pns.mypolycc.edu.my/>. Penjelasan terperinci kaedah penghantaran dokumen tersebut adalah seperti di **Lampiran 4 (Manual Penghantaran Dokumen Lampiran 1-3)**. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, markah pelajar pada Lampiran 1 dan 2 adalah sulit.

4. Pihak politeknik memohon maaf diatas segala kesulitan. Sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri, **Pn. Yusrita Yusoep** di talian **018-2912109** atau **Pn Fizah Suhad** di talian **012-3364285** Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima Kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(LT. KOL BERSEKUTU (PA) HJ. NAZRI BIN IDRIS. BPC.CMILT)

Pengarah
Politeknik Nilai Negeri Sembilan
